

Mahathir - Dunia

PENYATUAN SEJAGAT PERLU DIWUJUDKAN PADA ABAD AKAN DATANG

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

TASHKENT, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mahu supaya penyatuan sejagat diadakan pada abad akan datang, yang dipercayainya boleh dicapai melalui kata sepakat dan persetujuan bersama.

Katanya, ini penting kerana perpecahan sejagat akan hanya membahayakan dunia ini.

Semasa berucap pada jamuan malam meraikannya oleh Presiden Uzbekistan, Islam Karimov di sini, Perdana Menteri berkata cabaran negara dan antarabangsa pada akhir abad ke-20 sebahagian besarnya ialah untuk mengharmonikan perubahan-perubahan struktur dunia, serantau dan negara.

"Mesti perlu ada penyatuan sejagat pada abad akan datang kerana perpecahan sejagat hanya mendatangkan bahaya kepada dunia ini," katanya.

Dalam hubungan ini, katanya, Malaysia telah menyokong setiap usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Ini kerana Malaysia percaya sistem PBB menyediakan mekahisma yang sesuai untuk mewujudkan dunia yang lebih adil. -- Lagi.

▼01/04/00-46MST

U GB 01-04 00151 BC822

bah

Mahathir - Dunia 2 Tashkent

Adalah juga penting bagi semua negara untuk bertindak secara bersama bagi memastikan matlamat ini tercapai, katanya.

Dr Mahathir berkata, ketika Malaysia menyambut baik perpaduan masyarakat antarabangsa dalam arena politik sejak akhir-akhir ini, sehingga memungkinkan penyelesaian beberapa konflik yang telah wujud sekian lama di Afrika Selatan, Kemboja, Afghanistan, Angola dan Somalia, Malaysia kecewa terhadap kegagalan untuk menyelesaikan konflik baru di Bosnia-Herzegovina yang turut memerlukan perhatian antarabangsa.

Tidak pernah sebelum ini dunia menyaksikan pencerobohan secara berleluasa terhadap hak asasi manusia tetapi gagal memberi bantuan, katanya.

Dalam bidang ekonomi, Perdana Menteri berkata dunia menyaksikan kegagalan yang serupa untuk menyelesaikan cabaran-cabaran bagi mewujudkan sistem perdagangan dunia yang lebih terbuka yang mendatangkan faedah kepada semua.

Dr Mahathir berkata Malaysia memberi perhatian mengenai perkara ini kerana walaupun ia sebuah negara yang agak kecil, ia merupakan rakan dagang yang penting. -- Lagi.

▼01/04/01-01MST

U GB 01-04 00120 BC823

bah

Mahathir - Dunia 3 (Akhir) Tashkent

"Kemakmuran kita bergantung kepada hubungan dagang dengan negara lain di seluruh dunia, tidak kira besar atau kecil. Banyak faedah boleh didapati daripada hubungan dagang antara negara," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh kerana itu Malaysia berusaha ke arah mewujudkan hubungan dagang yang terbuka dengan seberapa banyak negara.

Mengenai hubungan Uzbek-Malaysia, Dr Mahathir, yang kini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke sini, berkata Malaysia komited terhadap mengukuhkan hubungan ekonomi dan dagang dengan negara itu beraskan persamaan dan faedah bersama.

Katanya, pemimpin-pemimpin penting sektor perniagaan Malaysia yang turut serta dalam rombongannya itu akan berusaha mewujudkan kerjasama perdagangan dan pelaburan dengan masyarakat peniaga di sini. -- Bernama.